



Pejabat Pendaftar  
Registrar Office  
Tel : 07-4537000 Faks : 07-4536337

Rujukan Kami : UTHM/PP/S/100-9/29.Jld. 7 ( 3 )  
Rujukan Tuan :  
Tarikh : 16 Mei 2023

**SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN**

YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Prof. / Tuan / Puan,

SAIFUL BAHRI BIN AHMAD BAKRIM  
PENDAFTAR/KETUA PEGAWAI OPERASI  
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

Tuan Hajj,  
Saifuddin Saifuddin

**IKLAN PENGISIAN JAWATAN TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) DI UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

En. Nazmi,  
Sita Masri.  
25/5/23

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) ingin mempelawa individu yang berkelayakan di organisasi YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Prof. / Tuan / Puan, untuk memohon jawatan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) di UTHM.

3. Sehubungan dengan itu, bersama-sama dengan ini dilampirkan iklan berhubung kekosongan jawatan berkenaan untuk dipanjangkan kepada staf di Universiti YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Prof. / Tuan / Puan. Untuk makluman YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Prof. / Tuan / Puan, tarikh tutup permohonan bagi jawatan ini adalah pada **15 Jun 2023 (Khamis)**.

Semoga perkara ini mendapat perhatian sewajarnya daripada YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Prof. / Tuan / Puan sekalian. Kerjasama yang diberikan berhubung perkara ini amat kami hargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**"MALAYSIA MADANI"**  
**"DENGAN HIKMAH KITA MENEROKA"**

Yang benar,

**ABDUL HALIM BIN ABDUL RAHMAN**  
Pendaftar/Ketua Pegawai Operasi (COO)  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia  
☎ 07-4537100

s.k - **YBhg. Naib Canselor**  
**Universiti Tun Hussein Onn Malaysia**

AHAR/ssas/14052023/JKpemilihanjawatanNCTNC

## **SENARAI EDARAN**

1. Pendaftar  
Universiti Malaya (UM)  
**50603 KUALA LUMPUR**
2. Pendaftar  
Aras 5, Bangunan Canselori  
Universiti Sains Malaysia (USM)  
11800 Minden  
**PULAU PINANG**
3. Pendaftar  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)  
43600 Bangi  
**SELANGOR DARUL EHSAN**
4. Pendaftar  
Universiti Putra Malaysia (UPM)  
43400 Serdang  
**SELANGOR DARUL EHSAN**
5. Pendaftar  
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)  
81310 Skudai  
**JOHOR DARUL TA'ZIM**
6. Pendaftar  
Universiti Teknologi MARA (UiTM)  
40450 Shah Alam  
**SELANGOR DARUL EHSAN**
7. Pengarah Eksekutif  
Bahagian Perkhidmatan dan Pengurusan  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)  
P.O. Box 10  
**50728 KUALA LUMPUR**
8. Pendaftar  
Universiti Utara Malaysia (UUM)  
06010 Sintok  
**KEDAH DARUL AMAN**
9. Pendaftar  
Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)  
94300 Kota Samarahan  
**SARAWAK**
10. Pendaftar  
Universiti Malaysia Sabah (UMS)  
Jln UMS  
88400 Kota Kinabalu  
**SABAH**

11. Pendaftar  
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)  
Jalan Slim, 35900 Tanjong Malim  
**PERAK DARUL RIDZUAN**
12. Pendaftar  
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)  
71800 Bandar Baru Nilai  
**NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**
13. Pendaftar  
Universiti Malaysia Terengganu (UMT)  
21030 Kuala Terengganu  
**TERENGGANU DARUL IMAN**
14. Ketua Pegawai Operasi  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)  
Hang Tuah Jaya  
76100 Durian Tunggal  
**MELAKA**
15. Pendaftar / Ketua Pegawai Operasi  
Universiti Malaysia Pahang (UMP)  
26600 Pekan  
**PAHANG DARUL MAKMUR**
16. Pendaftar  
Jabatan Pendaftar  
Aras 1, Canselori Tuanku Syed Sirajuddin  
Kampus Alam UniMAP Pauh Putra  
Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)  
02600 Arau  
**PERLIS INDERA KAYANGAN**
17. Pendaftar  
Pejabat Pendaftar  
Aras 3, Bangunan Canselori  
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)  
Kampus Gong Badak  
21300 Kuala Nerus  
**TERENGGANU DARUL IMAN**
18. Pendaftar  
Universiti Malaysia Kelantan (UMK)  
16300 Bachok  
**KELANTAN DARUL NAIM**
19. Pendaftar  
Pejabat Pendaftar  
Aras Bawah, Bangunan Canselori  
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)  
Kem Sungai Besi 57000  
**57000 KUALA LUMPUR**

**IKLAN JAWATAN  
TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)**

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) merupakan sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti ingin mempelawa calon-calon berkelayakan yang memenuhi kriteria-kriteria seperti berikut untuk mengisi kekosongan jawatan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Gred VU6:

1. **Jawatan** : Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
2. **Gred** : Gred Utama B (VU6)
3. **Jadual Gaji (Min-Maks)** : RM 8,315.00 – RM 22,445.00
4. **Taraf Lantikan** : Tukar Sementara / Pinjaman / Kontrak
5. **Tempoh Lantikan** : Tiga (3) Tahun (Tertakluk kepada keputusan Kementerian Pendidikan Tinggi)
6. **Kelayakan** : Berkebolehan memimpin dan mengurus pentadbiran berkaitan hal ehwal akademik dan antarabangsa
7. **Kriteria Umum:**  
Kriteria umum berdasarkan Garis Panduan dan Kriteria Pemilihan Timbalan Naib Canselor IPTA adalah seperti berikut:
  - 7.1 **Kecemerlangan Akademik**  
Penyandang mestilah mempunyai kelayakan PhD, mendapat *command of respect* dari kalangan rakan sejawat, mempunyai rekod cemerlang dalam penyelidikan, penerbitan jurnal berwasit antarabangsa, inovasi dalam pengajaran dan cemerlang dalam khidmat profesional.
  - 7.2 **Pengiktirafan Antarabangsa**  
Penyandang mestilah diiktiraf oleh *peers* antarabangsa sebagai pakar dalam bidangnya, mempunyai jaringan antarabangsa yang kukuh, pernah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan daripada organisasi terkemuka luar negara.
  - 7.3 **Kebolehan Memimpin dan Mengurus**  
Penyandang mestilah mempunyai *people skills* yang boleh meneraju transformasi, mempunyai gagasan, visi dan misi serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kecemerlangan akademik. Ditambah dengan kemahiran komunikasi dan *interpersonal* yang mantap. Pengalaman dan rekod cemerlang pimpinan akademik merupakan antara ciri utama dalam menentukan kebolehmpuan calon.
  - 7.4 **Reputasi**  
Menjadi '*role model*' kepada semua peringkat staf, mempunyai pengalaman dan *proven track record* serta disanjung baik serta dihormati oleh masyarakat kampus dan luar.

#### 7.5 **Personaliti**

Penyandang mestilah seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, *team player*, serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan universiti. Calon juga mestilah memahami aspirasi negara untuk membangunkan modal insan bermentaliti kelas pertama.

#### 8. **Kriteria Khusus:**

Kriteria khusus berdasarkan Garis Panduan dan Kriteria Pemilihan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) adalah seperti berikut:

##### 8.1 **Mempunyai Ph.D dan Kelayakan Profesional**

Penyandang perlu mempamerkan kewibawaan khususnya kelayakan akademik tertinggi Ph.D kerana penyandang akan bertanggungjawab mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Pemilih Guru di peringkat Universiti, selain mempunyai kelayakan profesional yang sesuai bagi melancarkan pelaksanaan proses akreditasi sebagai salah satu bidang tugas utama seorang TNC (A&A).

##### 8.2 **Berpengalaman Dalam Pembentukan Kurikulum (*Curriculum Design*)**

Penyandang bertanggungjawab dalam agenda kritikal Pengajaran dan Pembelajaran dan mestilah mahir mengendalikan kurikulum yang seimbang dan bersepadu. Penyandang juga merupakan sekretariat dan pihak berwajib kepada Senat yang diberi kuasa yang lebih dalam AUKU bagi tujuan rekabentuk kurikulum Universiti.

##### 8.3 **Pakar Pengajaran dan Pembelajaran**

Penyandang haruslah mempamerkan kewibawaan dalam inovasi pengajaran dan pembelajaran (*Teaching & Learning*). Penyandang perlu mempunyai pengetahuan yang mendalam mengenai aspek-aspek berikut iaitu Pembelajaran Berpusatkan Pelajar (*SCL*), Pembelajaran Berasaskan Masalah (*PBL*), Pendekatan Berasaskan Projek Berorientasikan Masalah (*POPBL*), Pembelajaran Sepanjang Hayat (*LL*), Penaksiran dan *Outcome Based Education*.

##### 8.4 **Kecemerlangan Penyelidikan dan Penerbitan**

Penyandang mestilah mempunyai rekod yang cemerlang dalam hasil penyelidikan dan penerbitan serta telah dilantik sebagai Profesor. Ini kerana sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pemilih Guru, penyandang bertanggungjawab menentukan tanda aras calon Profesor Madya. Oleh itu, penyandang hendaklah cemerlang dalam penyelidikan, telah menerbitkan artikel dalam jurnal berwasit, berimpak tinggi serta mendapat pengiktirafan antarabangsa.

##### 8.5 **Pengalaman Sebagai Penyelia Yang Berjaya**

Penyandang perlu mempunyai rekod cemerlang dalam penyeliaan pasca-siswazah (Sarjana & Ph.D) dengan jayanya. Ini kerana TNC (A&A) bertanggungjawab dalam mempengerusikan Jawatankuasa Senat bagi Pengajian Siswazah dan menjadi penimbang tara bagi isu-isu akademik pengajian siswazah.

##### 8.6 **Hal Ehwal Antarabangsa**

Penyandang akan ditugaskan untuk mempromosikan program akademik dan mobiliti pelajar di peringkat antarabangsa. Oleh itu, pengalaman dan kebolehlihatan di peringkat antarabangsa perlu dimiliki oleh penyandang. Calon harus mempunyai hubungan yang luas dan repustasi yang baik di peringkat serantau dan antarabangsa.

## 9. CARA MEMOHON

Permohonan bagi jawatan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Gred VU6 hendaklah dibuat dengan mengemukakan dokumen-dokumen seperti berikut:

- i. Surat permohonan dengan sokongan Ketua Jabatan
  - ii. *Curriculum Vitae (CV)* Kepimpinan;  
- *CV Kepimpinan boleh dimuat turun melalui laman web [www.uthm.edu.my](http://www.uthm.edu.my)*
  - iii. CV lengkap yang merangkumi latar belakang peribadi, latar belakang pendidikan dan kerjaya, anugerah dan hadiah yang diterima, sumbangan-sumbangan besar kepada pembangunan Universiti dan Negara
  - iv. *Key Performance Indicators (KPI)* dan ringkasan mengenai perancangan sekiranya dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UTHM, dan
  - v. Dokumen-dokumen sokongan
10. Proses pemilihan akan dilaksanakan secara terbuka di mana calon-calon yang berkelayakan dan memenuhi kriteria sahaja yang akan disaring untuk disenarai pendek dan dipanggil temuduga.

## 11. SYARAT KELAYAKAN

Tawaran ini adalah tertakluk kepada calon-calon yang memenuhi syarat-syarat berikut:

- 11.1 Keutamaan akan diberikan kepada calon yang telah menjalani Program Penilaian Bakat Kepimpinan Pendidikan Tinggi yang dikendalikan oleh Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT).
- 11.2 Calon telah menjalani penilaian bakat yang dijalankan di peringkat Universiti masing-masing. Sila kemukakan dokumen profiling atau sebarang dokumen sokongan yang berkaitan.
- 11.3 Menjalani Tapisan Keselamatan Kasar Dari Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia.
- 11.4 Menjalani tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).
- 11.5 Menjalani tapisan Integriti dan Aduan di peringkat Universiti masing-masing

12. Sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Puan Shereen Sabrina binti Abd. Shukor  
Pengarah Bahagian Pengurusan Organisasi  
Pejabat Pendaftar  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia  
No. Telefon : 07-453 7125  
E-mel : [shereen@uthm.edu.my](mailto:shereen@uthm.edu.my)

13. Permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada:

**PENDAFTAR**  
**Universiti Tun Hussein Onn Malaysia**  
**86400 Parit Raja**  
**Batu Pahat**  
**Johor Darul Ta'zim**  
**No. Telefon : 07-4537100 / 07-4537103**  
**No. Faks : 07-4536337**

14. **TARIKH TUTUP PERMOHONAN :**

Tarikh tutup permohonan ialah pada **15 JUN 2023 (KHAMIS)**






**CURRICULUM VITAE (CV) KEPIMPINAN  
TIMBALAN NAIB CANSOLOR UNIVERSITI AWAM**

**MAKLUMAT PERIBADI**

Nama :  
Tarikh Lahir / Umur :  
Tempat Lahir :  
No. Kad Pengenalan :  
No. Tel Bimbit :  
E-mel :



**MAKLUMAT PERJAWATAN**

Jawatan dan Gred :  
Status (Tetap / Kontrak / Peminjaman) :  
Jabatan / PTJ :  
Tarikh Mula Khidmat :  
Tarikh Bersara Wajib :

**KELAYAKAN AKADEMIK**

Tahap Ijazah	Bidang	Tahun	Institusi

**LAPORAN PENILAIAN PRESTASI TAHUNAN (LNPT)**

*(bagi tiga (3) tahun terkini sahaja)*

Tahun	Markah

**LAPORAN SCOPUS / GOOGLE SCHOLAR CITATIONS**

Documents by author :  
Citations by documents :  
h-index :

**SEJARAH PERJAWATAN**

Jawatan	Status (Sementara / Tetap / Kontrak / Peminjaman)	Agensi / Jabatan	Tarikh	Tempoh (Durasi Tahun)

**PENGALAMAN JAWATAN PENTADBIRAN**

*(Bagi Jawatan Pentadbiran Utama Universiti – Naib Canselor, Ketua Pegawai Eksekutif, Rektor, Timbalan Naib Canselor, Penolong Naib Canselor, Timbalan Rektor, Pengarah dan Dekan sahaja)*

Jawatan	Universiti / Agensi / Organisasi	Tarikh	Tempoh (Durasi Tahun)	Sumbangan Signifikan (3 Sumbangan Utama Semasa Memegang Jawatan, Jika Berkaitan)

**AFILIASI PROFESIONAL**

Jawatan	Universiti / Agensi / Organisasi	Tarikh	Tempoh (Durasi Tahun)	Sumbangan Signifikan (3 Sumbangan Utama Semasa Memegang Jawatan, Jika Berkaitan)